

10/09/1999

Pelajar IPT terima penjelasan PM (HL)

BANGI, Khamis - Perhimpunan 'Mahasiswa bersama Perdana Menteri' di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini mencatat sejarah apabila buat kali pertama pelajar universiti awam dan swasta tempatan berdialog dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar) yang mampu memuatkan kira-kira 4,000 orang penuh sesak sejak jam 2 petang lagi, manakala deretan bas, kereta dan motosikal memenuhi pekarangan dewan itu.

Perdana Menteri yang berada di UKM sejak pagi lagi untuk merasmikan Pusat Teknologi Pintar UKM-Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), tiba di Dectar pada 3 petang dengan disambut kibaran Jalur Gemilang dan pukulan rebana.

Sepanduk mengalu-alukan kedatangannya turut dipasang sepanjang laluan di kampus itu, antara lain berbunyi 'Kami sokong PM', 'PM visimu dijulung', 'Setia bersamamu', 'Malaysia terus maju bersamamu' dan 'Kami sanjung PM'.

Bercakap pada sidang akhbar selepas dialog itu, Dr Mahathir berkata, secara keseluruhannya pelajar menerima penjelasan beliau, termasuk isu membabitkan tindakan terhadap bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya berterima kasih dan bersyukur kerana sambutan pelajar nampak menggalakkan dan mereka begitu mesra. Segala dakwaan bahawa pelajar universiti menentang kerajaan adalah tidak benar," katanya.

Sidang akhbar itu terlewat kira-kira 30 minit kerana pelajar berebut-rebut untuk bersalam dengan Dr Mahathir dan menandatangani autograf.

Malah sepanjang ucapannya selama kira-kira 50 minit sebelum itu, Dr Mahathir kerap menerima tepukan gemuruh, walaupun UKM sebelum ini didakwa sesetengah pihak sebagai antara tempat 'larangan' untuk dikunjungi pemimpin Umno.

Ini berdasarkan dakwaan kononnya kira-kira 150 profesor, profesor madya dan pensyarah universiti itu mengadakan perhimpunan khas dan membuat deklarasi mengecam Perdana Menteri kerana dikatakan membuat tohmahan mengenai pencapaian akademik pelajar Melayu.

Malah, UKM juga pernah menjadi tempat Debat Perdana yang menimbulkan kontroversi kerana sebahagian pelajar yang hadir bertindak memalukan wakil Pemuda Umno yang hadir sebagai ahli panel.

Selepas berucap, Dr Mahathir mengadakan dialog tertutup selama kira-kira 80 minit dengan pelajar.

"Dalam dialog itu, mereka bertanyakan soal berkaitan kebajikan pelajar, sokongan kewangan dan pinjaman dan juga pandangan saya terhadap rasuah, sistem pemerintahan (negara), sistem ekonomi, politik dan sosial, sama ada baik atau tidak baik," katanya.

Ditanya apakah dialog seperti itu akan diteruskan, Dr Mahathir berkata, beliau ingin ia dibuat secara berterusan kerana mahu menemui pelajar dalam pertemuan secara terbuka.

"Ya...pertemuan terbuka, bukan mereka datang dengan pemikiran tertutup dan tidak mahu mendengar pendapat yang berbeza dengan mereka. Pada hari ini saya dapati mereka memang bersikap terbuka, sanggup mendengar soalan yang menarik hati mereka.

"Sebab itu mereka tepuk bila ada soalan tetapi mereka juga tepuk apabila kita beri jawapan walaupun jawapan itu tidak seperti diharapkan oleh mereka," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut sebab beliau menjauhkan diri dari universiti sebelum ini, Dr Mahathir berkata, ketika itu beliau ingin memberi peluang

Anwar berjumpa dengan semua pihak, termasuk pelajar.

"Saya sengaja tidak mahu aktif dalam menyampaikan maklumat bukan saja (kepada) penuntut, tetapi pihak lain juga kerana saya bercadang untuk berehat, untuk mengundur diri.

"Tetapi sekarang ini oleh kerana sebab-sebab tertentu, maka terpaksa saya berusaha untuk mengadakan hubungan yang lebih dekat dengan pelajar dan juga kakitangan akademik," katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri antara lain berkata, beliau memberi peluang kepada bakal penggantinya ketika itu bukan saja untuk mendekati diri dengan pihak universiti, malah mengadakan hubungan rapat dengan pihak berkuasa peringkat negeri dan Umno.

"Sebaliknya, saya tidak perlu terlalu popular kerana saya akan mengundurkan diri...tidak harus dibuat bandingan antara saya dengan pengganti saya (Anwar). Jika tidak kerana kegawatan ekonomi, tahun sudah (1997) saya bersara.

"Saya menunggu masa untuk bersara kerana sudah tua...73 tahun ketika itu, elok saya undur daripada terbabit dengan pentadbiran negara," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pelajar perlu mengikuti perkembangan politik dalam negara, tetapi membabitkan diri hanya setelah tamat pengajian dan bekerja.

Katanya, selepas tamat pengajian, barulah mereka boleh membabitkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam politik negara untuk mempengaruhi cara-cara negara ditadbir.

Dr Mahathir mengakui ada jurang antara maklumat yang disampaikan kepada pelajar dan pengetahuan mereka mengenai apa yang berlaku di dalam negara.

"Saya dapat lihat (masa dialog) banyak hal lain yang mereka ingin tanya, tetapi tak ada masa untuk bertanya dan kita tidak ada masa untuk membuat penjelasan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau menolak cadangan pelajar supaya diadakan rundingan antara mereka dengan menteri Kabinet "kerana tak kena pada tempatnya...kita pun tak berunding dengan pihak lain dalam masyarakat yang mewakili kumpulan yang lebih besar," katanya.

(END)